

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah proses pelantikan hakim di Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan, sila nyatakan sama ada Kerajaan atau Perdana Menteri mempunyai peranan dalam hal lantikan ini dan sekiranya ada, sekiranya Kerajaan bersedia untuk mengelakkan perkara ini dan bagaimana.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi mendukung kebebasan berterusan badan kehakiman, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman telah ditubuhkan pada tahun 2009 dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (Akta 695). Suruhanjaya ini bertanggungjawab untuk memilih calon-calon berkelayakan yang sesuai dan wajar dilantik sebagai hakim mahkamah atasan. Proses pemilihan hakim-hakim dilaksanakan sebagaimana yang ditetapkan di bawah subsekyen 22(2)(a)(b) Akta 695.

## **NO. SOALAN : 39**

Selepas pemilihan dibuat, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 26 Akta 695, satu laporan lengkap akan dikemukakan kepada Perdana Menteri dengan memaklumkan nama-nama yang telah disyorkan beserta asas-asas pemilihan. Seksyen 28 akta yang sama menjelaskan peranan Perdana Menteri untuk memberi nasihat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengikut Perkara 122B(1) Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, peranan Perdana Menteri dalam pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan adalah merupakan sebahagian daripada proses-proses yang dilalui dalam pelantikan tersebut. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan melantik hakim-hakim selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pewujudan Akta 695 ini tidak mengubah mana-mana peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan mengenai pelantikan seseorang hakim. Peranan dan tanggungjawab Perdana Menteri mengenai pelantikan hakim-hakim mahkamah atasan telah diperuntukkan serta dijelaskan di bawah Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan. Proses yang diperuntukkan di bawah Akta 695 merupakan proses yang mendahului proses pelantikan di bawah Perlembagaan Persekutuan sebagaimana yang dinyatakan di bawah seksyen 26, seksyen 27 dan seksyen 28 Akta 695.

Oleh itu, peranan dan tanggungjawab Perdana Menteri dalam hal ini telah dijelaskan dan termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.